



“MEMBANTERAS PENAGIHAN DADAH TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: ... وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ
وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ،
أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ
اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ
وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Muslimin yang di rahmati Allah,

Di kesempatan berada pada hari Jumaat yang mulia ini, saya berpesan kepada diri saya dan kepada sidang Jumaat sekalian marilah sama-sama kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah S.W.T. dengan bersungguh-



sungguh untuk melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita memperolehi keberkatan dan keredhaan serta perlindungan Allah S.W.T. di dunia dan di akhirat.

Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah Jumaat yang bertajuk “**Membanteras Penagihan Dadah Tanggungjawab Bersama**”.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Kita semua sudah sedia maklum bahawasanya dadah merupakan musuh nombor satu negara. Islam melarang setiap muslim mendekati perbuatan-perbuatan yang keji dan merosakkan diri. Hukum dan larangan pengambilan dadah juga menjadi haram berdasarkan dalil yang diqiaskan daripada arak.

Firman Allah S.W.T. dalam Surah Al-Maidah ayat 90 :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ
وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَامُ رِجْسٌ مِّنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ
فَاجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٩٠﴾

“Wahai orang-orang yang beriman! Bahawa sesungguhnya arak, dan judi, dan pemujaan berhala, dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah, adalah (Semuanya) kotor (keji) dari perbuatan syaitan. oleh itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya”.



Oleh kerana Islam sentiasa memuliakan umatnya dan menganjurkan kehidupan yang sejahtera, maka larangan-larangan keras telah dimeterikan supaya setiap individu tidak terjebak dalam kebinasaan. Dadah mempunyai kesan yang amat hebat terhadap perasaan dan akal fikiran penggunanya. Mereka yang ketagih dadah akan alpa terhadap dirinya, agamanya, keluarganya, dan dunianya serta tenggelam dalam dunia khayalan. Lebih daripada itu, dadah juga akan mengganggu kemurnian jiwa serta menghancurkan akhlak, moral, nilai dan maruah individu, keluarga dan masyarakat kerana terjebak dengan gejala dadah.

Hadirin sidang Jumaat yang dirahmati Allah S.W.T,

Isu dadah sudah sampai ke tahap serius dan kritikal sehinggalah ia diisytiharkan sebagai "Musuh Nombor Satu Negara" sejak 31 tahun yang lalu dan hari ini ianya masih lagi menjadi musuh nombor satu negara. Terdapat banyak kesan-kesan buruk boleh berlaku akibat penagihan dadah. Dadah boleh mendatangkan kesan buruk kepada keselamatan, ekonomi dan sosial negara. Dari segi ekonomi, dadah memberi implikasi kepada kos penagihan, kos kehilangan produktiviti, peningkatan kos perubatan dan lain-lain kos. Ianya turut melibatkan peningkatan kos penguatkuasaan, pemulihan, pencegahan dan seumpamanya yang ditanggung oleh kerajaan demi memelihara keharmonian ummah sejagat.

Berita-berita yang disiarkan melalui akhbar-akhbar harian dan lain-lain media massa menunjukkan kesan gejala dadah terhadap keselamatan amat membimbangkan. Kejadian jenayah seperti mencuri, menyamun, merompak meragut dan membunuh yang dikaitkan dengan dadah amat menakutkan dan boleh melemahkan perpaduan serta merencatkan pembangunan masyarakat. Selain itu, ia juga boleh meruntuhkan sesebuah institusi



kekeluargaan dan sesebuah masyarakat. Rumah tangga menjadi porak peranda, menghancurkan harapan ibu bapa dan berlaku perpisahan serta keganasan dalam kalangan anggota keluarga dan juga masyarakat.

Islam melihat kesan dadah memusnahkan kestabilan sosial dalam ummah. Hal ini kerana bermula daripada gejala negatif penagihan dadah, ia akan merebak ke institusi keluarga, masyarakat dan seterusnya negara. Jika ianya tidak dibendung segera, masalah itu akan mengakibatkan kehancuran ummah. Penagih dadah juga semakin jauh daripada ajaran agama kerana apabila minda dan tubuh sudah dikuasai dadah mereka berpaling daripada tanggungjawab sebagai hamba kepada Allah menjadi hamba kepada dadah.

Kaum muslimin sidang Jumaat yang berbahagia,

Kita sebagai anggota masyarakat hendaklah sentiasa saling ingat mengingatkan antara satu sama lain betapa bahayanya dadah. Justeru, sebagai ibu bapa, kita hendaklah menekankan kepada anak-anak kita yang masih berada di alam remaja mahupun kanak-kanak supaya sentiasa menjauhkan diri dari anasir-anasir yang tidak sihat yang boleh menjerumuskan diri kearah kebinasaan.

Firman Allah S.W.T dalam surah At-Tahrim ayat 6:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوا أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا
وَقُودَهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا مَلَائِكَةٌ غِلَاظٌ شِدَادٌ
لَّا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ ﴿٦﴾



"Wahai orang-orang yang beriman! peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari neraka yang bahan-bahan bakarannya: manusia dan batu (berhala); neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat-malaikat yang keras kasar (layanannya); mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkanNya kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan".

Dewasa ini, golongan belia, remaja dan kanak-kanak merupakan antara golongan terbesar yang terlibat dalam gejala ketagihan dadah. Terdapat 326 orang penagih yang berusia 21 tahun ke bawah yang direkodkan oleh Agensi Antidadah Kebangsaan Negeri Selangor. Manakala jumlah keseluruhan penagih adalah seramai 5,438 orang bagi tahun 2013. Situasi ini amat membimbangkan kita kerana golongan inilah yang bakal menjadi pemimpin yang akan menentukan hala tuju negara kelak. Sebagai ibu bapa, peranan kita amat penting dan menjadi kewajipan kita untuk memastikan bahawa generasi muda ini bebas dari ancaman dadah. Oleh itu, ambillah langkah pencegahan dari awal dengan menanamkan dalam minda mereka supaya mereka menjauhi dadah.

Firman Allah S.W.T. dalam Surah An-Nisa' ayat 31 :

إِنْ تَجْتَنِبُوا كَبَائِرَ مَا تُنْهَوْنَ عَنْهُ نُكَفِّرْ عَنْكُمْ
سَيِّئَاتِكُمْ وَنُدْخِلْكُمْ مُدْخَلًا كَرِيمًا ﴿٣١﴾



"Jika kamu menjauhkan dosa-dosa besar yang dilarang kamu melakukannya, Kami akan ampunkan kesalahan-kesalahan (dosa kecil) kamu, dan Kami akan masukkan kamu ke tempat yang mulia (syurga)".

Gejala penagihan dan penyalahgunaan dadah ini dapat dibanteras dari awal jika kita memantau serta mendidik anak dengan penuh kasih sayang serta mengawasi pergerakan mereka bersama kawan-kawan supaya tidak dipengaruhi dan melakukan perkara yang boleh melibatkan diri dengan masalah dadah. Terapkanlah ilmu agama dan keimanan yang secukupnya dalam diri anak-anak kita supaya mereka mampu menepis ancaman yang boleh merosakkan diri mereka.

Selain itu, masyarakat, NGO dan juga para pemimpin masyarakat hendaklah memainkan peranan yang lebih besar dalam membasmi gejala ini dari terus menular. Semua pihak hendaklah saling bantu-membantu antara satu sama lain dalam menghapuskan gejala yang semakin menular ini dan tidak mudah berputus asa untuk memerangi dadah bahkan sentiasa memberi sokongan melalui apa cara sekalipun terhadap usaha membenterasnya terutama sekali di kalangan generasi muda.

Firman Allah S.W.T. dalam surah Al-Maidah ayat 2 :

...وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ ^ص وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى
الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ ^ج ...



"...Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan..."

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

- 1- Marilah kita sama-sama berganding bahu untuk membanteras masalah dadah di negara ini daripada ia menghancurkan negara dan memporak perandakan keharmonian masyarakat.
- 2- Sebagai ibu bapa, kita hendaklah sentiasa mengambil tahu setiap aktiviti dan pergerakan anak-anak.
- 3- Kita hendaklah melaporkan kepada pihak-pihak berkuasa khususnya AADK dimana adanya aktiviti-aktiviti penagihan dadah.
- 4- Pemimpin masyarakat hendaklah serius membanteras gejala penagihan dadah.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
إِنَّمَا يُرِيدُ الشَّيْطَانُ أَنْ يُوقِعَ بَيْنَكُمْ الْعَدَاوَةَ
وَالْبَغْضَاءَ فِي الْخَمْرِ وَالْمَيْسِرِ وَيَصُدَّكُمْ عَنْ ذِكْرِ اللَّهِ
وَعَنِ الصَّلَاةِ فَهَلْ أَنْتُمْ مُنْتَهُونَ

"Sesungguhnya Syaitan itu hanyalah bermaksud mahu menimbulkan permusuhan dan kebencian di antara kamu dengan sebab arak dan judi, dan



mahu memalingkan kamu daripada mengingati Allah dan daripada mengerjakan sembahyang. oleh itu, mahukah kamu berhenti (daripada melakukan perkara-perkara yang keji dan kotor itu atau kamu masih berdegil)?”.

(Al-Maidah : 91)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ
فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ
يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ
الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ
وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ
لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ



الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ
مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ . اللَّهُمَّ إِنَّا
نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ ، وَنَسْأَلُكَ
بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْ تَحْفَظَ
بِعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ ،
جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانَ سَلَاعُورِ ، سُلْطَانَ
شَرَفُ الدِّينِ اِدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ
سُلْطَانَ صَلَاحُ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ .
اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهُدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ ، وَالصِّحَّةَ
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ ، لَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَاعُورِ ، تَعَكُّو أَمِيرِ
شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفُ الدِّينِ اِدْرِيسِ شَاهِ
الْحَاجِ فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا



ذَٰلِجَلَالِ وَإِكْرَامِ. ٱللَّهُمَّ ٱطْلُ عُمَرَهُمَا مُصْلِحِينَ
لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَٱلْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا
لِطَّرِيقِ ٱلْهُدَىٰ وَٱلرَّشَادِ.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ
وَٱجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي ٱلدُّنْيَا
حَسَنَةً وَفِي ٱلْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ ٱلنَّارِ. عِبَادَ
ٱللَّهِ، إِنَّ ٱللَّهَ يَأْمُرُ بِٱلْعَدْلِ وَٱلْإِحْسَنِ وَإِيتَايَ ذِي
ٱلْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ ٱلفَحْشَاءِ وَٱلْمُنْكَرِ وَٱلْبَغْيِ
يَعْظُمُ لِعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا ٱللَّهَ ٱلْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَٱشْكُرُوهُ عَلَىٰ
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَٱسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ ٱللَّهِ أَكْبَرُ وَٱللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.